



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERAKTI

PUTRA
PERTANIAN UNTUK RAKYAT



PEJABAT PENDAFTAR
REGISTRAR OFFICE

Rujukan Kami : UPM.PEND.100/1/5/1 (18)

Tarikh : 22 Disember 2025

PEKELILING PENDAFTAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2025

CERAIAN SR.2.1.1 (UPM) PERMOHONAN PERBELANJAAN BAGI KEMUDAHAN PERUBATAN

TUJUAN

1. Ceraian SR.2.2.1 (UPM) ini bertujuan melaksanakan peraturan permohonan perbelanjaan bagi kemudahan perubatan yang diperolehi oleh pekerja dan pesara Universiti Putra Malaysia serta tanggungan mereka yang berkelayakan untuk disesuaikan dengan pelaksanaan di Universiti Putra Malaysia (UPM).

LATAR BELAKANG

2. UPM telah mengguna pakai Skim Kemudahan Perubatan Pegawai dan Pesara UPM bermula tahun 2021 berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21 Tahun 2009: Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan.

3. Pada Disember 2024, Kerajaan melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM): Perbelanjaan Bagi Kemudahan Perubatan Versi 1.0 (2024) Ceraian SR. 2.1.1 Permohonan Perbelanjaan Bagi Kemudahan Perubatan.

4. Rentetan daripada cadangan penjimatan dalam perbelanjaan perubatan, ceraiian pekeliling ini telah disesuaikan mengikut keperluan semasa dan merujuk kepada pelaksanaan yang bersesuaian dengan konteks UPM.

5. Peruntukan dalam ceraiian SR.2.1.1 (UPM) terpakai bagi semua pekerja yang layak melainkan jika ada dinyatakan selainnya dalam syarat-syarat pelantikan seseorang pekerja dan hanya diguna pakai di dalam negara Malaysia sahaja. Walau bagaimanapun, Universiti masih menerima pakai pekeliling-pekeliiling yang dikeluarkan oleh Kerajaan berhubung kemudahan perubatan yang melebihi peruntukan dalam Ceraian SR.2.1.1 (UPM) ini.

1 / 8

TAFSIRAN

6. Dalam Pekeliling ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

- i) **“ibu bapa yang sah”** bermakna ibu kandung atau bapa kandung atau ibu tiri atau bapa tiri atau ibu angkat atau bapa angkat yang pertalian kekeluargaan adalah sah di sisi undang-undang;
- ii) **“Jabatan”** adalah merujuk kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ);
- iii) **“tanggung”** adalah merujuk kepada:
 - a) Suami atau isteri-isteri yang sah
 - i. perkahwinan mesti di dalam negara dan diiktiraf oleh kerajaan Malaysia;
 - ii. perkahwinan di luar negara perlu didaftarkan semula di Malaysia bagi mendapatkan kelayakan faedah perubatan.
 - b) Anak-anak yang ditanggung sepenuhnya termasuk anak tiri atau anak angkat yang sah dari segi undang-undang dengan syarat bahawa anak itu:-
 - i. Berumur di bawah 18 tahun;
 - ii. Anak yang masih menerima pendidikan, tidak melebihi peringkat Ijazah Pertama atau tidak melebihi umur 26 tahun atau mana yang terdahulu;
 - iii. Belum berkahwin (merujuk kepada ii); dan
 - iv. Anak yang daif atau Orang Kurang Upaya (OKU) yang disebabkan kelemahan otak atau jasmani tidak dikenakan had umur dengan syarat mempunyai pengesahan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
 - v. Untuk tujuan pemberian rawatan percuma ini, balu akan dianggap sebagai keluarga pekerja selagi tidak berkahwin semula.
- vi) **“pesara”** bermaksud Pekerja yang memilih skim pencen dan telah menamatkan perkhidmatan dengan UPM sama ada bersara wajib atau bersara pilihan serta tanggungan. Bagi pesara KWSP, kelayakan adalah merujuk kepada terma Pengesahan Maklumat Pesara Skim (KWSP):

- a) pesara yang berkahwin selepas berpencen, pasangan hanya ditanggung dalam tempoh 20 tahun selepas tarikh persaraan;
 - b) kelayakan pesara mengikut cerai SR 2.1.1 - Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2024).
- v) **“Ketua Jabatan”** bermaksud Pendaftar Universiti Putra Malaysia dan kuasa meliputi urusan yang melibatkan pesara Universiti Putra Malaysia;
- vi) **“pekerja”** adalah merujuk kepada Pekerja UPM termasuk:
- a) Tetap
 - b) Kontrak
Pekerja kontrak yang dilantik di bawah Skim Perkhidmatan JPA
 - c) Pinjaman ke UPM atau yang syarat pelantikannya melayakkan mendapat faedah kemudahan perubatan
 - d) Pekerja yang dipinjamkan ke agensi luar **tidak layak** mendapatkan kemudahan perubatan.
- vii) **“Fasiliti Kesihatan Kerajaan”** merujuk kepada Hospital Kerajaan dan termasuk mana-mana hospital universiti, hospital tentera, rumah sakit angkatan tentera dan klinik-klinik Kerajaan.
- viii) **“klinik panel”** merujuk kepada mana-mana klinik yang dilantik sebagai panel oleh UPM termasuk Pusat Kesihatan Universiti (PKU) UPM.
- ix) **“panel hemodialisis”** merujuk kepada mana-mana pusat rawatan hemodialisis yang berdaftar dengan KKM dan dilantik oleh UPM

KELAYAKAN

7. Seseorang pekerja dan tanggungannya boleh mendapat faedah kemudahan perubatan di bawah panduan ini hanya setelah mereka mendaftar dengan pihak Universiti.

8. Pekerja atau tanggungannya yang ingin mendapatkan rawatan perubatan di hospital kerajaan dan hospital universiti hendaklah mendapatkan Surat Aduan daripada Pusat Tanggungjawab masing-masing. Surat Aduan sah digunakan bagi tempoh tiga bulan dari tarikh dikeluarkan.

9. Kemudahan perubatan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan Cerai SR2.1.1 (UPM) ini secara keseluruhannya adalah layak diberikan kepada:

i. Pekerja:

a) Tetap

b) Kontrak

Pekerja kontrak yang dilantik di bawah Skim Perkhidmatan JPA

c) Pinjaman ke UPM atau yang syarat pelantikannya melayakkan mendapat faedah kemudahan perubatan

d) Pekerja yang dipinjamkan ke agensi luar **tidak layak** mendapatkan kemudahan perubatan.

ii. Pesara:

pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Skim Pencen dan pesara Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara atas sebab-sebab berikut:

(a) bersara apabila mencapai opsyen umur bersara;

(b) atas sebab kesihatan;

(c) apabila jawatan yang dipegangnya dihapuskan;

(d) bagi maksud supaya organisasi jabatan di mana pegawai itu bekerja mudah diperbaiki;

(e) atas alasan bahawa pegawai ditamatkan atas sebab kepentingan awam; atau

(f) mati dalam perkhidmatan.

iii) tanggungan seperti yang dijelaskan dalam perenggan (iii) di atas.

iv) balu (sekiranya tidak berkahwin semula)/ duda (atas sebab kematian isteri) dan anak-anaknya layak menerima kemudahan perubatan tidak kira sama ada kematian pekerja itu telah berlaku semasa pekerja sedang berkhidmat atau setelah bersara selaras dengan peruntukan Perintah Am 9 (a), Bab F Tahun 1974.

v) anak pekerja yang masih mendapat pendidikan tidak melebihi peringkat Ijazah Pertama atau tidak melebihi umur 26 tahun. Kelayakan anak akan tamat mengikut keadaan-keadaan berikut tertakluk kepada yang mana terdahulu:

(a) anak pekerja tamat/ berhenti/ diberhentikan daripada pengajian Ijazah Pertama itu; atau

- (b) anak pekerja berkahwin tanpa mengambil kira had umur/ tahap pengajian; atau
- (c) anak pekerja mencapai umur 26 tahun.

10. Kemudahan perubatan ini adalah dibenarkan kepada ibu bapa yang sah kepada pekerja dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan, tertakluk kepada pematuhan terhadap syarat-syarat dan peraturan-peraturan seperti berikut:

- i) pemberian kemudahan perubatan yang dibenarkan adalah terhadap kepada ibu bapa yang sah bagi pekerja yang tertakluk di bawah Sistem Saraan Baru dan Sistem Saraan Malaysia sahaja;
- ii) maklumat peribadi mengenai ibu bapa yang sah yang layak diberi kemudahan perubatan yang dibenarkan di bawah Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan Ceraian ini akan dimuat naik di dalam sistem *Human Resource Portal* (HR Portal) UPM.
- iii) pemberian kemudahan perubatan yang dibenarkan adalah terhadap kepada ibu bapa yang sah yang bermastautin di Malaysia sahaja;
- iv) surat pengesahan daripada Ketua Jabatan seseorang pekerja sama ada seperti mengikut penetapan di dalam Ceraian SR.2.3.1 atau melalui aplikasi elektronik (contoh: aplikasi *Human Resource Management Information System [HRMIS]*) hendaklah dikemukakan kepada pihak hospital/klinik.

Tatacara Permohonan Perbelanjaan

11. Kaedah dan syarat permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan yang diberikan bagi pekerja dan pesara UPM berserta tanggungan yang layak adalah seperti di **LAMPIRAN I**.

Tanggungjawab Jawatankuasa

12. Jawatankuasa Kecil Perubatan (JKKP) bertanggungjawab untuk memastikan perkara-perkara berikut dilaksanakan dengan teratur:

- i) mencadangkan garis panduan dan polisi yang berkaitan dengan Kemudahan Perubatan Pekerja dan Pesara UPM;
- ii) meneliti dan mencadangkan untuk kelulusan kepada Jawatankuasa Perubatan Universiti tuntutan bayaran balik rawatan perubatan melebihi

RM1000.00 yang dikemukakan oleh pekerja dan pesara UPM dengan mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan UPM Tahun 2025: Kemudahan Perubatan Pekerja dan Pesara UPM [Ceraian SR.2.1.1 (UPM)];

- iii) meneliti dan mencadangkan untuk kelulusan kepada Jawatankuasa Perubatan Universiti permohonan peruntukan pembiayaan perubatan melebihi RM1000.00 yang dikemukakan oleh pekerja dan pesara UPM dengan mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan UPM Tahun 2025: Kemudahan Perubatan Pekerja dan Pesara UPM [Ceraian SR.2.1.1 (UPM)];
- iv) kelayakan permohonan mematuhi Pekeliling Perkhidmatan UPM Tahun 2025: Kemudahan Perubatan Pekerja dan Pesara UPM [Ceraian SR.2.1.1 (UPM)];
- v) tatacara pelaksanaan sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan UPM Tahun 2025: Kemudahan Perubatan Pekerja dan Pesara UPM [Ceraian SR.2.1.1 (UPM)] ini dipatuhi;
- vi) maklumat dalam borang permohonan dan dokumen sokongan yang dikemukakan adalah lengkap dan tepat;
- vii) butir perbelanjaan disokong dengan dokumen kewangan seperti resit, invoice, surat sebut harga atau dokumen kewangan lain yang berkaitan;
- viii) kelulusan adalah diberi bagi kos kemudahan perubatan yang tidak dapat diperolehi di hospital/klinik Kerajaan tertakluk kepada permohonan yang mematuhi semua syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan UPM Tahun 2025: Kemudahan Perubatan Pekerja dan Pesara UPM [Ceraian SR.2.1.1 (UPM)] kecuali permohonan perbelanjaan bagi rawatan di luar negeri;
- ix) pembayaran yang dibuat kepada pemohon bagi kos kemudahan perubatan yang tidak dapat diperolehi di hospital/ klinik Kerajaan berdasarkan tatacara dan peraturan kewangan **yang berkuat kuasa**;
- viii) merujuk kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)/ Pengarah Hospital Universiti/ Pengarah Hospital Angkatan Tentera Malaysia sekiranya terdapat sebarang kemusykilan mengenai jenis ubat; dan
- ix) meneliti dan mencadangkan kepada Jawatankuasa Perubatan Universiti untuk meluluskan permohonan daripada klinik swasta untuk menjadi Klinik Panel dan Pusat Rawatan Hemodialisis UPM.

13. Jawatankuasa Perubatan Universiti (JPU) bertanggungjawab untuk memastikan perkara-perkara berikut dilaksanakan dengan teratur:

- i) memperakukan garis panduan dan polisi yang berkaitan dengan Kemudahan Perubatan Pekerja dan Pesara UPM;
- ii) meneliti dan memperakukan cadangan Jawatankuasa Kecil Perubatan Universiti berkaitan permohonan tuntutan bayaran balik rawatan perubatan melebihi RM1000.00 yang dikemukakan oleh staf dan pesara UPM dengan mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan UPM Tahun 2025: Kemudahan Perubatan Pekerja dan Pesara UPM [Ceraian SR.2.1.1 (UPM)] ;
- iii) meneliti dan memperakukan cadangan Jawatankuasa Kecil Perubatan Universiti berkaitan permohonan peruntukan pembiayaan perubatan melebihi RM1000.00 yang dikemukakan oleh staf dan pesara UPM dengan mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan UPM Tahun 2025: Kemudahan Perubatan Pekerja dan Pesara UPM [Ceraian SR.2.1.1 (UPM)];
- iv) tatacara pelaksanaan sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan UPM Tahun 2025: Kemudahan Perubatan Pekerja dan Pesara UPM [Ceraian SR.2.1.1 (UPM)] ini dipatuhi; dan;
- v) meneliti dan memperakukan cadangan Jawatankuasa Kecil Perubatan Universiti berkaitan permohonan daripada klinik swasta untuk menjadi Klinik Panel dan Pusat Rawatan Hemodialisis UPM;

14. Dengan berkuat kuasanya ceraihan Pekeliling ini, Pekeliling dan Surat Pekeliling UPM 2009 seperti berikut adalah dibatalkan:

- i) Surat Pekeliling Am UPM Bil. 1 Tahun 2001: Kadar Rawatan Mendapatkan Rawatan di Klinik-klinik Panel UPM
- ii) Pekeliling Perkhidmatan UPM Bil. 3 Tahun 2003: Perubahan kadar baru rawatan perubatan dan pergigian bagi kakitangan UPM
- iii) Pekeliling Perkhidmatan UPM Bil. 4 Tahun 2003: Rawatan Kemandulan 'Primary Infertility
- iv) Pekeliling Pendaftar Bil. 1 Tahun 2010: Penambahbaikan Kemudahan Rawatan
- v) Pergigian Bagi Pegawai Universiti Putra Malaysia

PEMAKAIAN

15. Tertakluk kepada penerimaan pakai oleh Universiti Putra Malaysia, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UPM.

TARIKH KUAT KUASA

16. Pekeliling Pendaftar ini berkuat kuasa mulai tarikh kelulusannya di Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti ke-186 bertarikh 1 Disember 2025.

MAKLUMAT PERTANYAAN

17. Sebarang pertanyaan berhubung Ceraian Pekeliling ini boleh ditujukan kepada:

Bahagian Perkhidmatan Sumber Manusia,
Pejabat Pendaftar, Tingkat 3,
Bangunan Canselori Putra,
43400 UPM Serdang,
SELANGOR.

“MALAYSIA MADANI”
“BERILMU BERBAKTI”

Saya yang menjalankan amanah,



(MUHAZAM BIN MANSOR)

Pendaftar
Universiti Putra Malaysia

**PEKELILING PERKHIDMATAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
KEMUDAHAN PERUBATAN PEKERJA DAN PESARA UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Pekerja Lantikan Baharu	2
2.	Pekerja Sedia Ada Yang Masih Berkhidmat	2
3.	Kemudahan Perubatan di Klinik/ Hospital Kerajaan dan Hospital Universiti	3
4.	Kemudahan Perubatan di Klinik Panel UPM	5
5.	Kemudahan Perubatan di Pusat Kesihatan Universiti (PKU)	6
6.	Rawatan di Institut Jantung Negara Sdn Bhd (IJNSB)	7
7.	Rawatan Kanser di Hospital Universiti	8
8.	Rawatan Kemandulan	8
9.	Rawatan Penyakit Buah Pinggang	9
10.	Rawatan Kepakaran di Hospital Swasta	10
11.	Rawatan Kecemasan di Hospital Swasta	10
12.	Keperluan Rawatan di Luar Negara	11
13.	Rawatan di Luar Negara Semasa Bertugas Rasmi	12
14.	Kemudahan Rawatan Pergigian	12
15.	Pemeriksaan Kesihatan Yang Ditanggung Oleh Universiti	13
16.	Rawatan Pesakit Luar di Klinik Swasta Bukan Panel	13
17.	Urusan Persendirian Di Luar Negara	14

1. PEKERJA LANTIKAN BAHARU

- | | | |
|-----|------------------------------|---|
| 1.1 | Deklarasi Kesihatan | Calon lantikan baharu tetap dan kontrak hendaklah mengisi Borang Deklarasi Kesihatan. |
| 1.2 | Insuran Kesihatan | a) Pekerja lantikan baharu tetap termasuk tanggungan digalakkan mempunyai insuran kesihatan;
b) Pekerja lantikan baharu kontrak digalakkan mempunyai insuran kesihatan. |
| 1.3 | Pemeriksaan Kesihatan | a) Pekerja lantikan baharu WAJIB membuat pemeriksaan kesihatan bagi tujuan lapor diri kali pertama di Pusat Kesihatan Universiti (PKU) atau mana-mana fasiliti kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), ditanggung kali pertama sahaja.
b) Sekiranya pelaksanaan pemeriksaan kesihatan dibuat selain daripada PKU, pengesahan perlu dibuat oleh Doktor Perubatan PKU UPM sebelum urusan lapor diri.
c) Pekerja kontrak lantikan semula perlu membuat pemeriksaan kesihatan dua (2) tahun sekali di PKU UPM dan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS) sahaja dan tidak dibenarkan membuat tuntutan pemeriksaan kesihatan. |
| 1.4 | Kelayakan Perubatan | Kemudahan perubatan untuk tanggungan pekerja kontrak (suami/ isteri/ anak) di klinik panel UPM, PKU dan Hospital Universiti tidak ditanggung , dan perlu mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan atau Hospital Kerajaan sahaja. Terpakai untuk pekerja kontrak lantikan baharu dan sedia ada. |

2. PEKERJA SEDIA ADA YANG MASIH BERKHIDMAT

- | | | |
|-----|---|--|
| 2.1 | Insuran Perubatan | Menggalakkan pekerja sedia ada mencarum insuran perubatan dan wajib mengisytiharkan insuran tersebut di dalam Sistem HR Portal. |
| 2.2 | Pemeriksaan Kesihatan (pekerja tetap sahaja) | a) Menggalakkan pekerja membuat Saringan Kesihatan Kendiri (SKK) di PKU/KKM dan mengisytiharkan kesihatan secara tahunan di dalam Sistem HR Portal.
i. Indeks Jisim Badan
ii. Bacaan Gula Dalam Darah
iii. Bacaan Kolestrol Dalam Darah
iv. Bacaan Tekanan Darah |

- b) Menggalakkan pekerja berumur 40 tahun ke atas menjalani Pemeriksaan Kesihatan Komprehensif (PKK) di PKU/KKM dan mengisytiharkan kesihatan di dalam Sistem HR Portal.
- 2.3 Surat Jaminan (GL)**
- a) **Wajib** mengemaskini maklumat agensi pekerjaan pasangan di dalam sistem HR Portal.
 - b) Menggunakan kemudahan perubatan dari agensi kerajaan persekutuan atau organisasi terdahulu bagi **tanggungjawab pekerja** termasuk ibu bapa yang berkhidmat/pesara kerajaan.
- 2.4 Kemudahan Klinik Bukan Panel**
- Tuntutan Klinik Bukan Panel hanya dibenarkan kepada pekerja yang menjalankan tugas rasmi terhadap RM45 sahaja.
- Tiada lagi kemudahan Klinik Bukan Panel untuk pekerja dan tanggungan bermula tahun 2026.

3. KEMUDAHAN PERUBATAN DI KLINIK/HOSPITAL KERAJAAN DAN HOSPITAL UNIVERSITI

- 3.1 Kelayakan**
- a) Pekerja/Anak-anak yang layak
 - b) Pasangan (bukan kakitangan/pesara kerajaan)
 - c) Ibu bapa Pekerja (bukan kakitangan/pesara kerajaan)
 - d) Pesara/Anak-anak yang layak
 - e) Pasangan pesara (bukan kakitangan/pesara kerajaan)
- 3.2 Rawatan yang ditanggung**
- a) Semua kemudahan perkhidmatan perubatan yang diterima.
 - b) Imunisasi kanak-kanak yang diwajibkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
 - c) Rawatan bersalin (pekerja atau isteri).
 - d) Semua prosedur berkaitan kardiologi yang dilaksanakan di Hospital Universiti perlu mendapat kelulusan pembiayaan oleh Jawatankuasa Perubatan Universiti sebelum prosedur tersebut dilaksanakan.
 - e) Rawatan yang ditanggung dan diperakukan oleh PPK tetapi tidak dapat dibekalkan. Contoh seperti di bawah:
 - i. Pembelian ubat yang dipreskripsi oleh PPK
 - ii. Pembekalan alat ortopedik kecuali untuk ibu bapa
 - iii. Pembekalan anggota palsu kecuali untuk ibu bapa

Harga Siling Bagi Permohonan Perbelanjaan Untuk Pembekalan Anggota Palsu:

Jenis Amputasi	Harga Siling (RM)
Amputasi bawah lutut	5,000.00

Amputasi paras lutut	10,000.00
Amputasi atas lutut	10,000.00
Amputasi <i>'through hip'</i>	15,000.00

iv. Pembelian kerusi roda kecuali untuk ibu bapa

Harga Siling Bagi Permohonan Perbelanjaan Untuk Pembelian Kerusi Roda:

Jenis Kerusi Roda	Harga Siling (RM)
<i>Standard wheelchair</i>	400.00
<i>Semi light weight wheelchair</i>	1,500.00
<i>Reclining wheelchair</i>	1,500.00
<i>Light weight wheelchair</i>	2,000.00
<i>Tilt-in-space wheelchair</i>	3,000.00
<i>Motorised wheelchair</i>	7,000.00

- v. Pembekalan alat bantu pendengaran kecuali untuk ibu bapa dengan harga siling RM3,500.00 bagi setiap unit.
- vi. Pembekalan alat rawatan jantung, alat bantuan pernafasan, *koklea implan, colostomy bag dan urine* bag kecuali untuk ibu bapa.
- vii. Pembekalan Alat Bantu Penglihatan Terhad (kanta) yang berharga sehingga RM1,000.00 bagi setiap unit sahaja kecuali untuk ibu bapa.
- viii. setiap pemohon boleh membuat permohonan perbelanjaan untuk membeli maksimum dua (2) jenis Alat Bantu Penglihatan Terhad (kanta) iaitu satu (1) untuk kegunaan dekat dan satu (1) untuk kegunaan jauh dan harga setiap satu alat adalah tidak boleh melebihi RM1,000.00.

Harga Siling Bagi Permohonan Perbelanjaan Untuk Pembekalan Alat Bantu Penglihatan Terhad:

Jenis Alat Bantu Penglihatan Terhad	Harga Siling (RM)
Peralatan Optik Dekat	1,000.00
Peralatan Optik Jauh (Telescope)	1,000.00

3.3 Rawatan yang tidak ditanggung

- a) Pembekalan suplemen dan makanan tambahan.
- b) Perubatan alternatif.
- c) Rawatan kosmetik.
- d) Perancang keluarga.

- e) Permohonan perbelanjaan untuk tujuan baik pulih atau menggantikan sebarang alat perubatan yang rosak akibat kecuaiian.
- f) Permohonan perbelanjaan untuk pembekalan/ penggantian/ baik pulih alat perubatan bagi tujuan kosmetik.
- g) Permohonan perbelanjaan untuk pembekalan/ penggantian/ baik pulih alat bagi tujuan selain dari tujuan rawatan kepada penyakit yang dihadapi.
- h) Suntikan imunisasi yang tidak termasuk dalam Jadual Imunisasi Kebangsaan yang diwajibkan oleh KKM.
- i) Semua jenis rawatan di Perkhidmatan Eksekutif/*Full-Paying Patient* (FPP)/ *Private Wing* atau seumpamanya.
- j) Rawatan untuk ibu bapa:
 - i. Rawatan untuk ibu bapa yang tidak bermastautin di Malaysia;
 - ii. Rawatan perubatan luar negara;
 - iii. Rawatan bagi tujuan pencegahan penyakit;
 - iv. Pembekalan semua jenis/ kategori alat.

3.4 Kelayakan wad

Tiada bayaran wad semasa mendapatkan rawatan di hospital kerajaan dan hospital universiti dikenakan kepada:

- a) pekerja dan tanggungan yang layak
- b) pesara dan tanggungan yang layak

Kelayakan wad:

Kumpulan/ Gred	Kelayakan Wad
Pengurusan Tertinggi	Kelas 1 Bilik Seorang
11-15	
6-10	Kelas 1 Bilik Berdua
2-5	Kelas 1 Bilik Bertiga
1	Kelas 2

4. KEMUDAHAN PERUBATAN DI KLINIK PANEL UPM

4.1 Kelayakan

- a) Pekerja
- b) Tanggungan yang layak

4.2 Rawatan yang ditanggung terhad kepada

- a) Rawatan pesakit luar (bukan rawatan dalam wad).
- b) Rawatan antenatal dan postnatal.
- c) Imunisasi kanak-kanak yang diwajibkan oleh

- RM45.00 sahaja untuk sekali rawatan** Kementerian Kesihatan Malaysia.
d) Ujian asas darah dan air kencing yang diarahkan oleh Pekerja Perubatan yang bertugas.
- 4.3 Rawatan yang melebihi RM 45.00** Tuntutan rawatan perubatan di Klinik Panel yang melebihi RM45.00 hendaklah dimajukan kepada Seksyen Perubatan dan Perhubungan Pekerja, Pejabat Pendaftar dengan had tuntutan maksimum sebanyak RM60.00 untuk pekerja sahaja dengan mengemukakan resit asal daripada klinik yang menjalankan rawatan.
- 4.4 Rawatan yang tidak ditanggung**
- a) Rawatan oleh Doktor Pakar
 - b) Rawatan dalam wad
 - c) Rawatan bersalin
 - d) Berkhatan
 - e) Pil mengurang/ menambah berat badan
 - f) Rawatan kosmetik
 - g) Rawatan mencegah dan rawatan kehamilan
 - h) Rawatan penagihan dadah menggunakan ubat gantian
 - i) Imunisasi mengerjakan haji dan umrah (travelling vaksin & imunisasi pilihan)
 - j) Suntikan imunisasi yang tidak termasuk dalam Jadual Imunisasi Kebangsaan yang diwajibkan KKM
 - k) Ubat-ubatan yang berkaitan dengan perkhidmatan berhenti merokok

5. KEMUDAHAN RAWATAN DI PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI (PKU)

- 5.1 Kelayakan**
- a) Pekerja
 - b) Tanggungan yang layak
 - c) Ibu bapa pekerja
 - d) Pesara dan tanggungan yang layak
- 5.2 Rawatan yang ditanggung**
- a) Perundingan dan rawatan yang dilakukan oleh PPK di PKU.
 - b) Bekalan ubat dan suntikan yang dipreskripsikan oleh PPK di PKU.
 - c) Prosedur dan ujian diagnostik yang diperakukan sebagai perlu oleh PPK di PKU.
- 5.3 Rawatan yang tidak ditanggung**
- a) Pil mengurang/menambah berat badan.
 - b) Rawatan kosmetik.
 - c) Rawatan mencegah kehamilan.
 - d) Rawatan penagihan dadah menggunakan ubat gantian.
 - e) Ubat-ubatan yang berkaitan dengan perkhidmatan berhenti merokok.

- f) Imunisasi mengerjakan haji dan umrah (*travelling* vaksin & imunisasi pilihan).
- g) Suntikan imunisasi yang tidak termasuk dalam Jadual Imunisasi Kebangsaan yang diwajibkan oleh KKM.

5.4 Kemudahan ubat yang tidak disediakan Bekalan ubat dan suntikan yang dipreskripsikan oleh Pegawai Perubatan/Pakar Perubatan di luar dari PKU.

6. RAWATAN DI INSTITUT JANTUNG NEGARA SDN BHD (IJNSB)

- 6.1 Kelayakan**
- a) Pekerja/Anak-anak yang layak
 - b) Pasangan (bukan kakitangan/pesara kerajaan)
 - c) Ibu bapa pekerja (bukan kakitangan/pesara kerajaan)
 - d) Pesara /Anak-anak yang layak
 - e) Pasangan pesara (bukan kakitangan/pesara kerajaan)
- 6.2 Rawatan yang ditanggung**
- a) Mendapat rawatan awal di klinik kerajaan/ hospital kerajaan/hospital universiti.
 - b) Dirujuk oleh Pakar Kardiologi di klinik kerajaan/ hospital kerajaan/hospital universiti ke IJNSB.
 - c) Memohon surat jaminan (GL) dari PTJ dengan menyertakan surat rujukan yang diterima.
- 6.3 Rawatan yang tidak ditanggung**
- a) Rawatan tanpa rujukan atau rujukan selain dari Pakar Kardiologi di klinik kerajaan/hospital kerajaan/hospital universiti.
 - b) Rawatan atas pilihan pesakit.
- 6.4 Syarat Rawatan**
- a) Rawatan yang ditanggung di IJNSB adalah terhad selama setahun dari tarikh prosedur yang dilaksanakan di IJNSB. Setelah cukup tempoh setahun, rawatan perlu disambung kembali ke klinik pakar kardiologi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia sahaja.
 - b) Semua prosedur yang dilaksanakan di IJNSB perlu mendapat kelulusan pembiayaan oleh Jawatankuasa Perubatan Universiti sebelum prosedur tersebut dilaksanakan.
 - c) Tuntutan semula perbelanjaan perubatan bagi pesara/tanggung yang memilih untuk kekal meneruskan rawatan di IJNSB selepas setahun atau pesara /tanggung yang mengambil rawatan di “private wing” di IJNSB **tidak ditanggung** oleh universiti.

- d) Semua ubat-ubatan yang diberi preskripsi oleh Doktor Pakar IJNSB tidak boleh diambil di Pusat Kesihatan Universiti dan dituntut.
- e) Semua ujian makmal yang diarahkan untuk dilakukan oleh Doktor Pakar IJNSB, tidak boleh dilaksanakan di Pusat Kesihatan Universiti dan dituntut.

7 RAWATAN KANSER DI HOSPITAL UNIVERSITI

- | | |
|--|---|
| 7.1 Kelayakan | <ul style="list-style-type: none"> a) Pekerja/Anak-anak yang layak b) Pasangan (bukan kakitangan/pesara kerajaan) c) Ibu bapa pekerja (bukan kakitangan/pesara kerajaan) d) Pesara /Anak-anak yang layak e) Pasangan pesara (bukan kakitangan/pesara kerajaan) |
| 7.2 Rawatan yang ditanggung | <ul style="list-style-type: none"> a) Rawatan yang dirujuk oleh pegawai perubatan/pakar di Institut Kanser Negara (IKN)/hospital kerajaan KKM. b) Keperluan rawatan kepakaran diperakukan oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan Jawatankuasa Perubatan UPM bagi mengesahkan rawatan kepakaran berkaitan diperlukan tidak dapat dibekalkan /disediakan oleh hospital kerajaan. c) Memohon surat jaminan (GL) dari PTJ dan menyertakan surat rujukan yang diterima . |
| 7.3 Rawatan yang tidak ditanggung | <ul style="list-style-type: none"> a) Rawatan tanpa rujukan/rujukan selain dari pegawai perubatan/pakar di IKN/hospital kerajaan . b) Rawatan atas pilihan pesakit. |

8 RAWATAN KEMANDULAN

- | | |
|------------------------------------|--|
| 8.1 Kelayakan | <ul style="list-style-type: none"> a) Pekerja b) Pasangan (bukan kakitangan/pesara kerajaan) c) Pesara d) Pasangan pesara (bukan kakitangan/pesara kerajaan) |
| 8.2 Rawatan yang ditanggung | <ul style="list-style-type: none"> a) Mendapat rawatan di klinik kerajaan/ hospital kerajaan atau klinik Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. b) Rawatan bagi mengatasi <i>primary infertility</i> sahaja (tidak pernah mengandung dan menghadapi kesukaran mengandung). c) Surat jaminan (GL) dari PTJ. |

- 8.3 Rawatan yang tidak ditanggung**
- a) Rawatan untuk menjalani proses mengandung secara bukan semulajadi
 - i. In Vitro Fertilisation (IVF)
 - ii. Gamete IntraFallopian Transfer (GIFT)
 - iii. Intra Cytoplasmic Sperm Injection (ICSI)
 - iv. Lain-lain teknik bukan semulajadi
 - b) Semua ubat ubatan sebelum dan selepas prosedur.
 - c) Ujian saringan yang dilalui oleh isteri.
 - d) Ujian saringan suami dan ubat ubatan yang berkaitan *male infertility*.

9 RAWATAN PENYAKIT BUAH PINGGANG

- 9.1 Kelayakan**
- a) Pekerja/Anak-anak yang layak
 - b) Pasangan (bukan kakitangan/pesara kerajaan)
 - c) Ibu bapa pekerja (bukan kakitangan/pesara kerajaan)
 - d) Pesara /Anak-anak yang layak
 - e) Pasangan pesara (bukan kakitangan/pesara kerajaan)
- 9.2 Rawatan yang ditanggung**
- a) Keperluan rawatan yang diperakukan oleh Pakar Hospital Kerajaan dan rawatan tersebut tidak dapat disediakan oleh hospital/ klinik kerajaan:
 - i. Hemodialisis di mana-mana pusat rawatan hemodialisis yang berdaftar dengan KKM dan dilantik oleh UPM
 - ii. *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD)* – kecuali ibubapa
 - iii. *Automated Peritoneal Dialysis (APD)* – kecuali ibubapa
 - b) Perbelanjaan bagi rawatan hemodialisis di Panel Hemodialisis Universiti terhad kepada perbelanjaan rawatan sahaja dengan had maksimum RM200.00 bagi rawatan hemodialisis untuk setiap sesi rawatan dan perbelanjaan bagi suntikan sebanyak RM70.00 untuk rawatan anemia adalah ditanggung mengikut preskripsi oleh doktor yang merawat.
 - c) Perbelanjaan yang telah dibuat di hospital/ klinik swasta **sebelum** tarikh pekerja melapor diri walaupun disahkan menghidapi penyakit *end stage renal failure* oleh Pakar Nefrologi/ pegawai perubatan di hospital/ klinik Kerajaan **tidak** boleh dipertimbangkan.
 - d) Perbelanjaan untuk pembekalan ubat dan alat pakai buang bagi rawatan CAPD boleh dipertimbangkan jika ia diperakukan tidak dapat dibekal/ disediakan oleh hospital/ klinik Kerajaan.

- e) Perakuan dan pengesahan Pakar Nefrologi Kerajaan hanya perlu dikemukakan kepada Ketua Jabatan semasa permohonan kali pertama sahaja.
- f) Permohonan perbelanjaan bagi pembedahan *Arterio-Venous Fistula (AVF)* di hospital/ klinik swasta boleh dipertimbangkan sekiranya Pakar Nefrologi Kerajaan merujuk pesakit supaya menjalani pembedahan tersebut di hospital/ klinik swasta berdasarkan faktor-faktor berikut:
 - i. kelewatan menunggu giliran pembedahan AVF yang keterlaluhan di hospital Kerajaan; atau
 - ii. pembedahan AVF pertama gagal; atau
 - iii. kemahiran pembedahan AVF di hospital/klinik swasta adalah lebih baik berbanding di klinik kerajaan/ hospital kerajaan.
- g) kos rawatan sehingga RM3,500.00 di bawah perkhidmatan rawatan harian sahaja adalah ditanggung manakala kos selain pembedahan tidak akan ditanggung.

10. RAWATAN KEPAKARAN DI HOSPITAL SWASTA

- | | |
|-------------------------------|---|
| 10.1 Kelayakan | <ul style="list-style-type: none"> a) Pekerja/Anak-anak yang layak b) Pasangan (bukan kakitangan/pesara kerajaan) c) Ibu bapa pekerja (bukan kakitangan/pesara kerajaan) d) Pesara /Anak-anak yang layak e) Pasangan pesara (bukan kakitangan/pesara kerajaan) |
| 10.2 Syarat permohonan | <ul style="list-style-type: none"> a) Keperluan rawatan kepakaran diperakukan oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan Jawatankuasa Perubatan UPM bagi mengesahkan rawatan kepakaran berkaitan diperlukan tidak dapat dibekalkan/ disediakan oleh hospital kerajaan. b) Kos yang ditanggung adalah: <ul style="list-style-type: none"> i. Kos rawatan hospital ii. bayaran wad sebanyak 80% jika dicaj secara berasingan iii. bayaran makan sebanyak 80% jika dicaj secara berasingan iv. jika dicaj bersekali bayaran ditanggung adalah 80% dari keseluruhan bayaran |

11. RAWATAN KECEMASAN DI HOSPITAL SWASTA

- | | |
|-----------------------|---|
| 11.1 Kelayakan | <ul style="list-style-type: none"> a) Pekerja/Anak-anak yang layak b) Pasangan (bukan kakitangan/pesara kerajaan) |
|-----------------------|---|

- c) Ibu bapa pekerja (bukan kakitangan/pesara kerajaan)
- d) Pesara/Anak-anak yang layak
- e) Pasangan pesara (bukan kakitangan/pesara kerajaan)

11.2 Syarat permohonan

- a) Mendapat rawatan di hospital swasta yang paling hampir dengan tempat kejadian kecemasan kerana tiada hospital kerajaan yang lebih hampir dengan tempat kejadian.
- b) Rawatan yang diperolehi merupakan rawatan yang diperlukan serta-merta dan tidak boleh dilengahkan bagi menyelamatkan nyawa pesakit (*life-threatening*).
- c) Mendapat perakuan keperluan kemudahan perubatan dan pengesahan oleh pakar perubatan hospital berkenaan perkara (b).
- d) Kos yang ditanggung:
 - i. Kos rawatan bagi tempoh kecemasan sehingga pesakit stabil dan boleh dipindahkan ke klinik kerajaan/ hospital kerajaan
 - ii. bayaran wad sebanyak 80% jika dicaj secara berasingan
 - iii. bayaran makan sebanyak 80% jika dicaj secara berasingan
 - iv. jika dicaj bersekali bayaran ditanggung adalah 80% dari keseluruhan bayaran
- e) Sekiranya jarak di antara tempat kejadian kecemasan dengan hospital/ klinik swasta dan hospital/ klinik kerajaan adalah sama pesakit hendaklah mendapatkan rawatan di hospital/ klinik kerajaan.

12. KEPERLUAN RAWATAN DI LUAR NEGARA

12.1 Kelayakan

- a) Pekerja/Anak-anak yang layak
- b) Pasangan (bukan kakitangan/pesara kerajaan)
- c) Pesara/Anak-anak yang layak
- d) Pasangan pesara (bukan kakitangan/pesara kerajaan)

12.2 Syarat permohonan

- a) Mendapat rawatan awal di hospital kerajaan.
- b) Disahkan oleh Lembaga Perubatan sebagai memerlukan rawatan khas yang tidak dapat diperolehi di dalam negara.
- c) Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia memperakukan bahawa rawatan khas yang diperlukan oleh pesakit tidak dapat disediakan oleh hospital kerajaan.
- d) Permohonan dipertimbang dan diluluskan oleh Jawatankuasa Perubatan Universiti.

- e) Permohonan perbelanjaan bagi pengiring boleh dipertimbangkan tertakluk kepada syarat bahawa keperluan pengiring diperakukan oleh Lembaga Perubatan.
- f) Kos yang ditanggung oleh Kerajaan adalah seperti berikut:
 - i. kos rawatan di hospital;
 - ii. kos sara hidup (makan dan sewa hotel/ lojing) untuk tempoh tidak melebihi lima hari setelah sampai di negara berkenaan dan tidak melebihi lima hari sebelum kembali ke Malaysia bagi pesakit (dan pengiring, sekiranya diperakukan oleh Lembaga Perubatan); dan
 - iii. tambang kapal terbang kelas ekonomi bagi perjalanan pergi dan balik bagi pesakit (dan pengiring, sekiranya diperakukan oleh Lembaga Perubatan).
- g) Kos yang ditanggung oleh **pekerja/ pesara** adalah seperti berikut:
 - i. bayaran lain seperti bayaran makanan di luar daripada komponen caj wad yang biasa, telefon, dobi, caj katil kepada pengiring dan sebagainya.
- h) Kemudahan rawatan di luar negara adalah **tidak dibenarkan** kepada ibu bapa pekerja.

13. RAWATAN DI LUAR NEGARA SEMASA BERTUGAS RASMI

- | | |
|-----------------------|---|
| 13.1 Kelayakan | Pekerja sahaja |
| 13.2 Syarat | <ul style="list-style-type: none"> a) Pekerja yang dilantik secara tetap dan kontrak. b) Terhadap kepada diri pekerja sahaja. c) Mendapat rawatan di hospital kerajaan di luar negara semasa bertugas rasmi. |

14. KEMUDAHAN RAWATAN PERGIGIAN

- | | |
|-----------------------|---|
| 14.1 Kelayakan | <ul style="list-style-type: none"> a) Pekerja b) Tanggungan yang layak |
| 14.2 Kemudahan | a) Kemudahan rawatan pergigian diperuntukkan sebanyak RM500.00 setahun untuk satu keluarga dengan pecahan RM300.00 di klinik swasta dan RM200.00 di Pusat Kesihatan Universiti/Klinik Pergigian Kerajaan/Hospital Kerajaan. |

- b) Kemudahan rawatan pergigian diperuntukkan sebanyak RM500.00 setahun untuk satu keluarga di klinik swasta atau di Pusat Kesihatan Universiti/Klinik Pergigian Kerajaan/Hospital Kerajaan untuk pekerja di i-AQUAS dan UPMS.
 - c) Sekiranya kedua-dua pasangan suami isteri adalah merupakan pekerja UPM, hanya suami sahaja dibenarkan untuk membuat tuntutan kerana kelayakan tersebut adalah merujuk kepada satu keluarga.
- 14.3 Rawatan yang ditanggung** Rawatan pergigian merangkumi cabut, tampal, scaling dan rawatan akar.
- 14.4 Rawatan yang tidak ditanggung**
- a) Gigi palsu.
 - b) Untuk tujuan kosmetik seperti *polishing*, pemutihan (*whitening*), *crowning*, *braces* dan *bridge*.

15. PEMERIKSAAN KESIHATAN YANG DITANGGUNG OLEH UNIVERSITI

- 15.1 Kelayakan** Pekerja bertaraf tetap dan kontrak sahaja.
- 15.2 Tujuan**
- a) Pelantikan baharu.
 - b) Melanjutkan pelajaran di dalam atau luar negara sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Basiswa dan Cuti Belajar UPM.
 - c) Menghadiri kursus/latihan yang diluluskan yang pesertanya dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan.
 - d) Pemeriksaan kesihatan yang dijalani atas arahan Universiti atau dengan kelulusan Naib Canselor.
 - e) Pemeriksaan kesihatan untuk pekerja berumur 40 tahun dan ke atas (terhad di klinik kesihatan kerajaan dan Pusat Kesihatan Universiti sahaja).

16. RAWATAN PESAKIT LUAR DI KLINIK SWASTA BUKAN PANEL

- 16.1 Kelayakan** a) Pekerja yang menjalankan tugas rasmi diluar pejabat.
- 16.2 Syarat**
- a) Hanya jika klinik kerajaan/ hospital kerajaan atau klinik panel UPM tiada dalam kawasan pekerja bertugas.
 - b) Kemudahan rawatan seperti yang disediakan oleh klinik panel sahaja.
 - c) Tuntutan terhad kepada RM45.00 sahaja untuk sekali rawatan.

- d) Tuntutan Klinik Bukan Panel hanya dibenarkan kepada pekerja yang menjalankan tugas rasmi terhad kepada RM45 sahaja.

Tiada lagi kemudahan Klinik Bukan Panel untuk pekerja dan tanggungan bermula tahun 2026.

17. URUSAN PERSENDIRIAN DI LUAR NEGARA

- | | | |
|-------------|------------------|---|
| 17.1 | Kelayakan | Pekerja sahaja |
| 17.2 | Tujuan | Universiti memberi kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada semua pekerja yang berada di luar negara atas urusan persendirian dengan bayaran premium dari syarikat insurans terpilih, ditanggung oleh Universiti. |
| 17.3 | Syarat | <ul style="list-style-type: none">a) Pekerja yang dilantik secara tetap dan kontrak.b) Terhad kepada diri pekerja sahaja.c) Terhad kepada sekali dalam setiap tahun kalendar dan tempoh lawatan tidak melebihi 31 hari mulai tarikh bertolak dari Malaysia.d) Telah mendapat kelulusan SPLN (Sistem Perjalanan Luar Negara) daripada Universiti. |